

UMS-Hospital Gleneagles edar pensanitasi tangan percuma kepada orang awam

NST 27.7.2020 8

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah memberikan khidmat bantuan kepada Hospital Gleneagles untuk menghasilkan 100 liter Pensanitasi Tangan bagi tujuan diedarkan kepada orang awam.

Menurut kenyataan dari Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) UMS, Pensanitasi Tangan tersebut telah diisi ke dalam sebanyak 2000 botol bersaiz 50 mL setiap satunya.


“Pensanitasi Tangan tersebut telah dihasilkan menggunakan formula yang disarankan oleh WHO, iaitu dengan menggunakan 75% isopropil alkohol sebagai bahan utamanya.

“Projek kerjasama yang diketuai oleh Ketua Unit Penyelidikan Air FSSA, Prof. Madya Dr. Moh Pak Yan ini merupakan satu tanggungjawab sosial korporat antara UMS dan Hospital Gleneagles,” demikian menurut kenyataan tersebut.

“Dalam pada itu, satu sesi penyerahan Pensanitasi Tangan tersebut telah disempurnakan oleh Dekan FSSA, Prof. Dr. Baba Musta, kepada Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Gleneagles, Dr. Tan Bee Hwai.

Sesi itu turut dihadiri oleh Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi FSSA, Dr. Mohd. Sani Sarjadi; Ketua Projek, Prof. Madya Dr. Moh Pak Yan; dan wakil dari Hospital Gleneagles, Jacqueline Chin.

Diharapkan tanggungjawab sosial korporat antara UMS dan Hospital Gleneagles ini akan dapat sedikit meringankan beban orang awam golongan B40 bagi memiliki Pensanitasi Tangan secara percuma dalam usaha membendung penularan Pandemik COVID-19 pada ketika ini.



SAMPAIKAN...Prof. Dr. Baba Musta (tiga dari kiri) menyampaikan pensanitasi tangan kepada Dr. Tan Bee Hwai.